



MOHMED Asri (tiga dari kiri) menghidangkan makanan kepada pelatih PLKN di Kem PLKN Princess Haliza, Sepang, semalam.

■ Tiada lagi pengambilan secara rawak

Sekolah pilih pelatih PLKN

Oleh Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@hmetro.com.my

Sepang
AM - 19/10/15 (M/S 18)

Pengambilan pelatih bagi Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) tidak lagi dibuat secara rawak sebaliknya ia akan ditawarkan oleh pihak sekolah kepada pelajar yang berada di tingkatan lima.

Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara Datuk Mohmed Asri Yusof berkata, pengambilan menerusi kaedah itu akan dibuat terhadap pelatih PLKN yang memulakan program berkenaan bermula sesi Januari tahun depan.

Menurutnya, pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan di mana pihak sekolah akan membuat pemilihan dan tawaran kepada pelajar.

"Langkah ini dilihat lebih mudah dan sampai kepada sasaran apabila pelajar yang berminat boleh menawarkan diri secara sukarela selain pihak sekolah membuat pemilihan kepada pelajar dirasakan layak serta perlu

mengikuti PLKN.

"Kita difahamkan lebih 30,000 pelajar daripada empat negeri berminat menyertai PLKN untuk sesi tahun depan menerusi penawaran yang dibuat di sekolah," katanya pada sidang media selepas melakukan tinjauan hari kedua Projek Perintis Transformasi PLKN di Kem PLKN Princess Haliza di sini, semalam.

Pada masa sama, beliau berkata, langkah yang dibuat itu juga adalah satu daripada penambahbaikan dan pembaharuan menerusi Transformasi PLKN atau PLKN 2.0.

Bagi projek perintis kali ini, Mohmed Asri berkata, seramai 469 pelatih terdiri daripada 315 pelatih lelaki dan 154 perempuan menyertai PLKN di Kem Princess Haliza.

"Ia diadakan selama lapan minggu sehingga 13 Disember ini, sekali gus menguji keberkesanan modul baru



SEBAHAGIAN pelatih PLKN daripada pelbagai latar belakang menikmati makan tengah hari.

yang akan diperkenalkan pada Januari tahun depan.

"Antara modul baru ini termasuk program Cergas dan Tangkas (Fit4Life), MalaysiaKu, Bicara Tekno (Tech&Talk), Pembangunan Diri (iUpgrade)," katanya.

Bagi program Fit4Life, beliau berkata, pihaknya turut menggunakan khidmat perunding Akademi Sukan Amerika Syarikat yang memberi latihan kepada semua pelatih terbabit.

Malah, katanya, bekas pemain badminton kebangsaan iaitu Wong Choong Hann

turut terbabit dalam memberikan latihan kepada pelatih terbabit.

Selain itu, Mohmed Asri berkata, pelatih terbabit akan ditawarkan bagi mengikuti latihan kemahiran oleh Kementerian Belia dan Sukan di institusi kemahiran di negara ini selepas lapan minggu mereka menyertai PLKN.

Katanya, ia sekali gus memberi peluang kepada pelatih yang tidak mendapat tempat di universiti untuk melanjutkan pelajaran di institusi kemahiran berkenaan.

FAKTA
Lebih 30,000 pelajar daripada empat negeri berminat sertai PLKN untuk sesi tahun depan